

07 DEC 1998

Umno-Pita

UMNO IZIN PITA KASET ANWAR DIPECAT DIEDARKAN KEPADA UMUM

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno malam ini bersetuju supaya rakaman mesyuaratnya pada 3 Sept lepas, yang memutuskan supaya Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada parti, diedarkan kepada umum.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan itu dibuat berikutan adanya penyebaran pita kaset rakaman mesyuarat itu, yang telah disunting dengan memadamkan sebahagian daripada ucapan Anwar pada mesyuarat itu, sebagai usaha membersihkan imej Anwar.

"Sekarang kita (MT) izinkan keempat-empat pita asal yang merakamkan mesyuarat pada hari itu diedarkan kepada sesiapa yang ingin mendengarnya," kata beliau pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat MT yang berlangsung kira-kira tiga jam, di sini.

Beliau berkata ibupejabat Umno akan membuat salinan rakaman itu daripada pita asal dan mengedarkannya secepat mungkin.

"Sesiapa yang ingin mendengarnya kenalah beli, parti kita tidak ada duit sekarang," kata Dr Mahathir, disambut dengan ketawa oleh para wartawan yang membuat liputan persidangan berita itu.

Semasa ditanya sama ada Umno akan membuat siasatan bagaimana rakaman mesyuarat itu boleh bocor, Dr Mahathir berkata amat sukar untuk membuat siasatan.

"Sekarang terlalu ramai orang pandai dan teknologi juga amat tinggi," katanya.

Menurutnya Umno tidak akan membuat laporan polis mengenai penyebaran pita rakaman itu tetapi meminta mereka yang ingin tahu apa yang sebenar berlaku pada mesyuarat 3 Sept itu supaya mendapatkan salinan asal dari ibupejabat Umno.

Perdana Menteri berkata mesyuarat malam ini turut membicarakan mengenai perhimpunan khas Umno pada Ahad ini bagi meminda perlembagaan parti.

Sebanyak 17 usul akan dibentang pada mesyuarat sehari itu, yang antara lain berkaitan pemansuhan 10 undi bonus bagi pencalonan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Beliau berkata MT bersetuju supaya Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga naib presiden Umno, membentangkan usul-usul itu manakala seorang lagi naib presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan membuat penggulungan.

Dr Mahathir berkata mesyuarat MT juga membincangkan mengenai jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Beliau bagaimanapun tidak mahu menghuraikan dengan lanjut mengenai perkara itu.

Secara berseloroh Dr Mahathir berkata: "Siapa mahu, boleh pohon sekarang."

Mesyuarat itu juga memutuskan untuk memecat dua anggota parti, Wan Jusoh Wan Kolok dari Bahagian Kuantan dan Baharuddin Abdullah dari Sepang kerana terlibat dalam gerakan reformasi.

Ketua Pemuda Umno Beaufort Abdul Rahman Yaakub pula digantung keanggotaannya sementara 11 orang anggota lagi diberi amaran.

Selain itu, kes beberapa orang lagi termasuk bekas Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Ketua Umno Bahagian Pasir Puteh Kamaruddin Mohd Nor dan Ketua Umno Bahagian Tumpat Datuk Kamaruddin Jaafar, masih diteliti oleh Jawatankuasa Disiplin parti.

Jawatankuasa Disiplin parti sejak Sepetember lepas telah mengeluarkan

surat tunjuk sebab kepada 47 anggota kerana dikatakan terbabit dalam gerakan reformasi yang menyokong Anwar.

Najib, yang juga pengerusi bersama Jawatankuasa Disiplin itu, pula berkata: "Apa yang kita hendak mereka tunjukkan komitmen dalam parti dan membantu menguatkan parti."

-- BERNAMA

SJA NAK